

Kehilangan Seorang Tokoh Pelajar yang Sukar Dicari Gantinya

Kehilangan seorang tokoh pelajaran Melayu yang sukar mendapat gantinya ialah dengan meninggalnya almarhum A. Aminuddin Baki pada hari Jumaat petang 24 Disember 1965 bersamaan dengan 1 Ramadān 1385 dengan menghidap penyakit darah tinggi dan lemah jantung. Beliau meninggal dunia dengan mengejut dan sebab itu seluruh umat Melayu khususnya dan umat Islam amnya, terutamanya yang mengenal almarhum sebagai tokoh pelajar yang tenang dan sedikit bercakap telah terperanjat mendengar berita kematiannya dengan serta-merta itu *innā lillāhi wa innā ilayhi rāji‘ūn*.

Jenazah beliau telah dikebumikan pada hari esoknya diiringi oleh ramai sahabat handai dan kaum kerabat almarhum. Kita mengenal almarhum semenjak dari menjadi penuntut di Universiti Malaya, di Singapura yang almarhum telah lulus pada tahun 1950. Dalam masa menjadi penuntut lagi almarhum telah menjadi anggota Jawatankuasa “Barnes” mengenai pelajaran Melayu. Ini adalah menunjukkan kecenderungan almarhum sejak dari jadi penuntut lagi telah mengambil berat di dalam soalan-soalan pelajaran Melayu.

Dalam akhir hayatnya, A. Aminuddin Baki telah menjadi Penasihat Pelajaran Malaysia. Almarhum mula dikenal oleh masyarakat dalam menerusi perjuangannya dalam Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (G.P.M.S).

Pelajaran permulaan yang didapat oleh almarhum, pertama di Sekolah Melayu Chemor, Perak dan di Sekolah Anderson, Ipoh, lalu ke Universiti Malaya di Singapura, University of London, Queen Scholar dan mendapat Ijazah Ilmu Sejarah. Semasa di Universiti Malaya di Singapura di situlah almarhum banyak berhubung dengan

pemimpin-pemimpin kebangsaan, baik pemimpin kiri ataupun kanan.

Almarhum adalah bertanggungjawab menyusun Penyata Pelajaran Razak dan kemudian menjalankan Penyata Pelajaran Abdul Rahman Talib dan memelopori Falsafah Sekolah Aneka Jurusan yang telah genap setahun perjalanannya. Almarhum juga mengusulkan perjalanan percuma mulai tahun 1963. Almarhum juga sangat mengambil berat berkenaan dengan bahasa Melayu dan apabila usaha-usaha untuk menyatukan bahasa Melayu Melayu dan Indonesia, almarhum menjadi salah seorang daripada anggota rombongan itu ke Indonesia.

Riwayat meninggalnya almarhum yang sedih ini disampaikan bahawa lebih kurang pada kira-kira pukul 3 petang hari itu sesudah balik dari pasar, almarhum hendak mengajar anak-anaknya mengaji tetapi isterinya meminta supaya almarhum berehat dan kerana itu almarhum naik ke atas rumahnya lalu baring di atas sebuah kerusi membaca kitab agama dan isteri almarhum memasak di dapur. Apabila isteri almarhum naik maka didapati kepala almarhum terlentok dan kaca matanya terletak di kerusi kecil dan isterinya lalu mengejutkannya tetapi didapati almarhum tidak bernafas lagi.

Sebelum itu almarhum berjanji kepada anaknya lepas sembahyang Asar hendak mengajar anak-anaknya mengaji dan demikian juga selepas sembahyang Maghrib. Almarhum selalu membawa anaknya sembahyang jemaah ke masjid.

Almarhum terkenal seorang yang baik, ramah dan penyabar. Manis tegur sapa almarhum adalah menjadi suatu tali mengikat persahabatan yang erat.

Salah seorang sahabatnya yang akrab, Tuan Syed